

WiFi percuma dalam MRT

PRASARANA setuju memasang WiFi dalam tren serta semua 31 stesen Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) serta tambah kekerapan tren sebagai kemudahan untuk orang ramai → Ms.5

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]



Orang ramai menggunakan Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT), Sungai Buloh-Kajang (SBK) dari Stesen Muzium Negara ke Kajang pada hari kedua operasi, semalam.

PRASARANA setuju tambah kekerapan tren MRT

➔ Maklum balas penumpang jadi panduan tambah baik kemudahan

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) bersetuju menambah kekerapan perjalanan tren Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan memasang WiFi.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PRASARANA, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz, berkata WiFi akan dipasang di dalam tren dan semua 31 stesen sebagai satu kemudahan bagi orang ramai.

Beliau berkata, kedua-dua isu itu antara maklum balas diterima daripada pengguna MRT-SBK yang dibuka sepenuhnya kepada orang ramai bermula kelmarin.

“Mengikut kajian dijalankan

PRASARANA mengenai apa keperluan pengguna, mereka mahu kekerapan perjalanan tren ditambah di kawasan yang ada permintaan tinggi dan kedua, pengguna mahu WiFi.

Sediakan kemudahan

“Kita akan lihat sambutan yang ada. Insya-Allah, kita (PRASARANA) akan sediakan,” katanya pada sidang media ketika melakukan tinjauan mesra perjalanan MRT-SBK Fasa 2 (Semantan-Kajang) bersama media di sini, semalam.

Azmi berkata, MRT menyediakan kemudahan pakir bertingkat yang boleh memuatkan lebih 8,000 kenderaan pada satu-satu masa di 13 stesen sepanjang laluan SBK.

Orang ramai turut digalakkan untuk meletakkan kenderaan mereka di Park n' Ride yang dibina di



Azmi (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Ir Zohari Sulaiman ketika melakukan tinjauan mesra perjalanan MRT-SBK Fasa 2 (Semantan-Kajang) bersama media, di Kuala Lumpur, semalam.

tujuh stesen MRT laluan SBK untuk ke pusat bandar.

“Ia bagi memastikan kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan kerana semua tujuh stesen bawah tanah di pusat bandar tidak mempunyai perkhidmatan tempat letak kereta,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, lebih 100,000 pengguna menggunakan MRT-SBK Fasa 2 selepas ia mula beroperasi jam 4 petang kelmarin, manakala 2.7 juta pengguna direkodkan MRT-SBK Fasa 1 (Sungai Buloh-Semantan) sejak ia dilancarkan pada 15 Disember tahun lalu.

Ditanya mengenai kegagalan kaunter tiket di Stesen Kajang, pagi semalam, Azmi berkata ia masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, namun sudah diselesaikan pada masa sama.

Katanya, orang ramai tidak perlu risau dengan cabaran masalah teknikal perkhidmatan MRT kerana ujian perjalanan bertaraf antarabangsa sudah dilakukan sebelum ia mula beroperasi sepenuhnya kelmarin.

Pastikan operasi lancar

“Lebih 1,000 komponen tertentu telah diuji oleh jurutera khas selama enam bulan dalam memastikan semua tren dapat beroperasi dengan lancar,” kata Azmi.

MRT Fasa 2 yang mempunyai 19 stesen baharu dengan kekerapan perjalanan setiap tujuh minit dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin.

Tujuh daripada stesennya terletak di bawah tanah. Jarak perkhidmatan tren MRT adalah sepanjang 51 kilometer bagi jajaran

Sungai Buloh-Kajang.

Setiap tren bagi laluan SBK mempunyai empat gerabak dan mampu membawa 1,200 penumpang pada setiap perjalanan dengan anggaran 400,000 penumpang sehari.

Dalam pada itu, pemegang pas khas MyRapid OKU, warga emas dan pelajar, mereka boleh menikmati diskaun sebanyak 75 peratus untuk perkhidmatan MRT, LRT, Monorail dan Bas Rapid Transit (BRT) bermula semalam sehingga 31 Ogos ini.

“Jika pada hari-hari biasa mereka mendapat diskaun 50 peratus dan bersempena pengumuman diskaun itu (50 peratus) kepada pengguna biasa bermula semalam sehingga 31 Ogos, pemegang pas bulanan khas itu akan menikmati tambahan 25 peratus,” katanya.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]